# apai maqasid dalam pemuliharaan alam

ELASA 26/6/18 BERITA HARIAN M/S 75

a Lumpur: Maqasid ialah tu- yang ingin dicapai oleh se- hukum Islam yang diturun- Allah SWT kepada manusia, kemaslahatan. Ia merang- i dua dimensi, jalb-al ma- atau menghasilkan kebaji- dan daf'u mafasid (menolak sakan).

qasid terpakai pelbagai kon- termasuk penjagaan dan pe- haraan alam kerana kita perlu astikan ia berada dalam kea- baik dan bertanggungjawab gelak pencemaran.

nsyarah Kanan Pengajian dan Teknologi Fakulti Sains, rsiti Malaya (UM), Dr Mohd Mokhtar, berkata ada ba- ayat al-Quran berkaitan alam r.

au berkata, dalil itu bukan menggalakkan penanaman, n mengandungi perintah su- mencegah eksploitasi terha- umber alam.

man Allah SWT bermaksud: *janganlah kamu berbuat ke- n di bumi sesudah Allah me- kan segala yang membawa an padanya.*" (Al-A'raf: 56)

nya, hubungan manusia de- alam terbahagi kepada dua, hubungan bersifat dalaman yang menyentuh nilai kerohanian, etika dan moral, manakala hubungan luaran pula bersifat fizikal serta material.



> Menolak kerosakan itu dengan cara umat Islam bertanggungjawab dalam mencegah pencemaran dan kepupusan, mengelakkan pembaziran sumber asli, kezaliman terhadap makhluk dan pemusnahannya"

***Mohd Istajib Mokhtar,***
*Pensyarah Kanan Pengajian Sains dan Teknologi Fakulti Sains, UM*

## Komprehensif dalam kehidupan

"Kombinasi ini menjadi penentu segala kejayaan di dunia dan akhirat kerana hukum diturunkan Allah SWT bersifat sejagat dan komprehensif dalam kehidupan," katanya pada Seminar Maqasid al-Syariah dan Perubahan Iklim di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini.

Mohd Istajib berkata, menghasilkan kebajikan dalam konteks alam sekitar merangkumi banyak perkara seperti menjaga kebersihan dan kesihatan, memulihara biodiversiti, melakukan kebaikan dengan makhluk, menghasilkan pembangunan lestari serta menggalakkan tanaman hijau.

"Menolak kerosakan itu adalah dengan cara umat Islam sendiri bertanggungjawab dalam mencegah pencemaran dan kepupusan, mengelakkan pembaziran sumber asli, kezaliman terhadap makhluk dan pemusnahannya," katanya ketika membentangkan Pemeliharaan Alam Sekitar Menurut Kerangka Maqasid Al-Syariah.

[FOTO HIASAN]



**Umat Islam perlu memastikan hutan** *berada dalam keadaan baik dan bertanggungjawab mengelakkan pencemaran.*